

**KESELAMATAN BANGUNAN
RUMAH KEDAI LAMA DARI
BAHAYA KEBAKARAN**

OLEH

**SHAMUEL BIN DAHALAN
(93689295)**

Disertasi Ini Disediakan Sebagai Memenuhi

Sebahagian Daripada Kehendak Untuk

Diploma Lanjutan Ukur Bangunan

Institut Teknologi MARA

November 1995

Disahkan Oleh

**Puan Noorhasimah bt. Mohd. Noordin
Pensyarah Jabatan Senibina (I.T.M)
Penyelia**

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianNya maka disertasi ini dapat disiapkan sepertimana yang telah dirancang. Kesempatan ini diambil untuk merakamkan jutaan terimakasih kepada mereka yang terlibat. Terutamanya kepada kedua ibu-bapa penulis yang mendorong untuk terus berusaha mencapai cita-cita dan kepada:-

1. Kepada Puan Noorhashimah bt. Mohd. Noordin selaku penasihat disertasi.
2. Kepada Tuan Haji Ahmad Ezanee b. Hashim selaku Ketua Kursus Diploma Lanjutan Ukur Bangunan.
3. Kepada Tuan Harun Pegawai Penguasa Bomba dan Tuan Ahmad Sahibudin Penolong penguasa di Jabatan Bomba Wilayah. Tuan Sobre Basiran di Ibu Pejabat Bomba Malaysia.
4. Encik Azhar di Unit Kawalan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
5. Pihak Muzium dan Badan Warisan dan Lain-lain.

Yang telah memberi kerjasama dan tunjuk ajar bagi menyiapkan disertasi ini.

PRAKATA

Kebakaran bangunan rumah kedai lama dari apa yang dapat diketahui melalui media masa biasanya melibatkan kehilangan nyawa dan harta benda yang tinggi. Kebakaran yang berlaku biasanya melibatkan lebih dari sebuah rumah kedai. Timbul pula persoalan adakah bangunan rumah kedai lama ini selamat untuk didiami dari segi kebakaran.

Bangunan rumah kedai lama adalah bangunan yang dibina sebelum perang atau semasa perang atau beberapa tahun selepas tamat perang dunia kedua. Bangunan ini telah dibina mengikut undang-undang yang terdapat pada masa tersebut yang tidak menitik beratkan keselamatan dari segi kebakaran. Bangunan juga dibina menggunakan bahan binaan dan teknologi yang kurang dari segi keselamatan kebakaran berbanding bangunan sekarang.

Walaupun terdapat undang-undang dan pihak berkuasa yang mengawal dari segi keselamatan kebakaran bangunan sekarang. Undang-undang sedia ada kebanyakannya melibatkan bangunan baru di mana undang-undang berkaitan keselamatan bangunan lama tidak mencukupi.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	1
1. Pengenalan	
2. Objektif	
3. Pendekatan	
SKOP KAJIAN	iv
BATASAN KAJIAN	v
METODOLOGI	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
RINGKASAN ISTILAH	ix

ABSTRAK

1. PENGENALAN

Tesis keselamatan kebakaran bangunan rumah kedai lama (pre war shophouse) adalah berkaitan dengan keselamatan bangunan rumah kedai lama yang dibina sebelum perang atau semasa perang atau tidak lama selepas perang dari segi bahaya kebakaran.. Tesis ini meliputi bangunan rumah kedai lama di Kuala Lumpur.

2. OBJEKTIF

Objektif tesis ini adalah untuk membuat kajian keselamatan bangunan rumah kedai lama dari segi kebakaran iaitu dari segi penggunaan, rekabentuk dan struktur bangunan sedia ada, undang-undang berkaitan dengan bangunan rumah kedai lama dan tindakan yang diambil untuk mempertingkatkan keselamatan dari segi kebakaran. Kajian dilakukan secara terperinci dan secara individu bagi menilai keselamatan bangunan dari segi kebakaran.

Mendapatkan kesan dari segi keselamatan bangunan lama dari segi kebakaran dan kawalan yang dilakukan terhadap bangunan rumah kedai lama dari segi kebakaran. Kesan undang-undang yang berkaitan bangunan rumah kedai lama.

BAB 1 KEBAKARAN

1.1 PENGENALAN

Kebakaran adalah proses kimia yang kompleks di mana oksigen, bahan bakar dan haba bergabung menghasilkan cahaya dan haba. Manakala kemerebakan api adalah api yang merebak dari punca kebakaran di mana ia memerlukan lebih haba untuk membantu kebakaran peringkat awal. Di dalam, bangunan api di tingkat bawah bangunan merebak ke tingkat atas bangunan dengan bantuan haba dari gas panas yang naik ke bahagian atas bangunan apabila suhu meningkat, maka kebakaran berlaku. Masa kemerebakan api penting untuk menentukan masa untuk keluar dan masa untuk pihak bomba melawan kebakaran.

Jika bangunan mempunyai bahan yang mudah terbakar maka haba yang dihasilkan adalah besar dan ini mempercepatkan kadar kemerebakan api. Antara faktor yang turut membantu kebakaran ialah:-

- a. Jarak antara bahan yang mudah terbakar dalam sesebuah bilik.
- b. Saiz dan lokasi punca kebakaran.
- c. Saiz dan lokasi bukaan dalam bilik.
- d. Arah angin dan tiupannya.
- e. Bentuk dan dimensi bilik.